



TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL menyampaikan tital Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Pertama DUN Ke-14 di Kangar, Perlis, semalam. Turut berangkat Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Wujud suasana politik tenteram - Raja Perlis

UM/24.7.18/27/110/Ps-Sosai

Oleh SHARILFUDDIN SAARI

pengarang@utusan.com.my

■ KANGAR 23 JULAI

R AJA Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail bertitah, wakil rakyat di negeri ini perlu berganding bahu bersama-sama kerajaan negeri bagi mewujudkan suasana politik yang tenteram dan stabil.

Baginda bertitah, perkara itu penting agar pembangunan projek infrastruktur utama di negeri ini yang dirancang dapat dilaksanakan segera dengan lancar dan berkesan.

"Hanya kerajaan negeri yang stabil boleh menjamin kelancaran program pembangunan demi ke sejahteraan rakyat."

"Oleh itu, beta menyeru semua wakil rakyat bersatu hati, bekerja dengan ikhlas dan meletakkan kepentingan negeri serta rakyat di

SIDANG DEWAN
UNDANGAN NEGERI
PERLIS



hadapan," titah baginda.

Baginda bertitah demikian semasa merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di Kompleks DUN, di sini hari ini.

Berangkat sama, Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Turut berangkat, Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man dan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah, kerajaan negeri dan wakil rakyat perlu berusaha membina hubungan

baik dengan Kerajaan Persekutuan meskipun Perlis kini berstatus negeri pembangkang selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) lalu.

"Beta menyedari ini merupakan satu cabaran dan ditambah pula dengan kebergantungan negeri ini kepada Kerajaan Persekutuan dari segi peruntukan perbelanjaan operasi dan pembangunan," titah baginda.

Dalam pada itu, baginda turut mengingatkan bahawa pembangunan di negeri ini masih bergerak perlahan berbanding negeri-negeri lain dan sehubungan itu baginda meminta semua pihak berganding bahu memainkan peranan masing-masing.

"Ingatlah yang kerajaan negeri bertanggungjawab dan berperanan mewujudkan persekitaran kondusif yang boleh membuka peluang kepada rakyat untuk memperbaiki taraf ekonomi mereka," titah baginda.